

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

1.1 Konsep Kedaulatan

- 1 Kedaulatan berasal daripada perkataan *daulah* dalam bahasa Arab. Apakah maksudnya?

BUKU TEKS m.s. 4

- A Merdeka
- B Kemajuan
- C Kuasa mutlak dalam pemerintahan
- D Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan

- 2 Istilah berikut merupakan perkataan dalam bahasa Yunani yang berkaitan dengan kedaulatan.

supremus atau *superanus*

Apakah maksud istilah tersebut?

BUKU TEKS m.s. 4

- A Kerajaan
- B Keagungan
- C Kuasa penuh
- D Kuasa pemerintahan

- 3 Apakah maksud kedaulatan dalam bahasa Melayu?

BUKU TEKS m.s. 4

- A Kebebasan
- B Keagungan
- C Kuasa penuh
- D Kekuasaan tertinggi

- 4 Kedaulatan berbeza antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Apakah yang menentukan kedaulatan sesebuah negara?

BUKU TEKS m.s. 6

- A Bahasa
- B Rumpun bangsa
- C Sempadan negeri
- D Bentuk pemerintahan

- 5 Maklumat berikut berkaitan pandangan seorang tokoh tentang kedaulatan.

X

- Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sesebuah negara.
- Kedaulatan mempunyai sifat kekal dan mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat

Siapakah X?

- A Aristotle
- B Jean Bodin

BUKU TEKS m.s. 9

- C Ibnu Khaldun
- D Tunku Abdul Rahman

- 6 Kedaulatan negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Bagaimanakah kedudukan dan kedaulatan raja diperkukuh?

BUKU TEKS m.s. 6

- A Kesetiaan rakyat
- B Kestabilan politik
- C Kekuatan tentera
- D Kemajuan ekonomi

- 7 Revolusi berikut mempunyai perkaitan dengan kemunculan kedaulatan sesebuah negara.

- Revolusi Keagungan di England
- Revolusi Perancis

Kedaulatan negara tersebut dikaitkan dengan idea kemunculan

BUKU TEKS m.s. 6

- A negara bangsa
- B rumpun bangsa
- C bahasa kebangsaan
- D pemerintahan demokrasi

- 8 Kedaulatan undang-undang menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara.

Apakah kepentingan prinsip tersebut?

BUKU TEKS m.s. 7

- I Menjamin keadilan
- II Menjamin keamanan

- III Memesatkan ekonomi
- IV Memantapkan pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa lahir hasil daripada

BUKU TEKS m.s. 6

- A gabungan negeri
- B perpaduan rakyat
- C kekuatan pertahanan
- D penggubalan undang-undang

- 10 Pada tahun 1970, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengumumkan deklarasi yang berikut.

Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970

Apakah kepentingan deklarasi tersebut?

BUKU TEKS m.s. 7

- A Keamanan dunia
- B Persamaan kedaulatan
- C Kemerdekaan semua negara
- D Persaingan senjata di-tamatkan

12 Ciri Negara yang Berdaulat

- 11 Salah satu ciri pemerintahan yang berdaulat adalah mempunyai pemerintahan. Mengapakah pemerintahan negara berdaulat perlu diwujudkan? (BUKU TEKS m.s. 8)
- A Menjaga kesejahteraan
B Menjaga sempadan negara
C Menjamin kestabilan politik
D Menjamin kepentingan budaya
- 12 Kedaulatan sesebuah negara berkait rapat dengan ciri yang diamalkan dan perlu dipertahankan. Apakah ciri-ciri yang menentukan kedaulatan sesebuah negara? (BUKU TEKS m.s. 8-9)
- I Menganuti agama
II mengamalkan ideologi
III Mempunyai sempadan
IV Mempunyai perundangan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan di negara kita.

Pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sistem tersebut dikenal sebagai sistem (BUKU TEKS m.s. 8)

- A monarki
B demokrasi
C raja berkuasa mutlak
D raja berperlembagaan

- 14 Maklumat berikut berkaitan sistem pemerintahan negara kita.

- Sistem Demokrasi
- Sistem Raja Berperlembagaan

Siapakah ketua kerajaan negara?

- A Gabenor
B Presiden
C Perdana Menteri
D Yang di-Pertuan Agong

- 15 Negara kita mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Apakah maksud Sistem Demokrasi Berparlimen? (BUKU TEKS m.s. 9)

- A Pentadbiran beraja
B Pemerintahan secara warisan
C Pentadbiran diketuai oleh raja
D Pemerintahan melalui perwakilan

- 16 Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara. Mengapakah sistem perundangan penting kepada sesebuah negara? (BUKU TEKS m.s. 9)
- I Melindungi rakyat
II Menjamin keadilan
III Memantapkan kuasa raja
IV Mengukuhkan parti pemerintah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

- 17 Penyataan berikut mempunyai perkaitan dengan kemunculan pentadbiran berkesan.

Kewujudan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Bagaimanakah sistem pentadbiran negara diperkuatkan? (BUKU TEKS m.s. 10)

- A Kerjasama politik
B Pengagihan kuasa
C Hubungan antarabangsa
D Pemantapan kedudukan sultan

- 18 Negara yang berdaulat menjalankan urusan pentadbiran negara tanpa campur tangan daripada pihak luar. Pihak manakah yang terlibat dalam melaksanakan dasar pentadbiran negara kita? (BUKU TEKS m.s. 10)

- I Wakil rakyat
II Jemaah Menteri
III Kementerian berkaitan
IV Yang di-Pertuan Agong
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 19 Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut? (BUKU TEKS m.s. 10)

- A Memperkenalkan Rukun Negara
B Membangunkan kawasan bandar
C Meningkatkan jalinan hubungan luar
D Memperkenalkan dasar pembangunan ekonomi

- 20 Maklumat berikut merupakan perkara yang diamalkan di negara kita.

- Bahasa kebangsaan
- Rukun Negara
- Kebudayaan kebangsaan

Apakah kepentingan amalan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 11)

- A Memantapkan pentadbiran
B Memajukan kegiatan ekonomi
C Meningkatkan ilmu pengetahuan
D Mengeratkan semangat perpaduan

- 21 Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia menjalin hubungan dengan negara lain.

Bagaimanakah hubungan luar dibentuk? (BUKU TEKS m.s. 11)

- A Ditentukan oleh Perdana Menteri
B Ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong
C Melalui penggubalan dasar luar negara
D Menerusi penyertaan dalam pertubuhan antara-bangsa

22 Malaysia menjalin hubungan dengan pelbagai negara di serata dunia.

Apakah kepentingan hubungan luar tersebut? (BUKU TEKS m.s. 11)

- I Menjamin kesejahteraan
 - II Memupuk semangat perpaduan
 - III Mengeratkan hubungan persahabatan
 - IV Mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

23 Malaysia telah menganggotai pertubuhan serantau dan antarabangsa yang berikut.

- ASEAN
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Apakah kesan penyertaan Malaysia dalam pertubuhan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 11)

- A Meningkatkan imej negara
- B Memudahkan migrasi penduduk
- C Memantapkan sistem pemerintahan negara
- D Mengayakan kebudayaan kebangsaan negara

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

24 Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab bersama untuk mempertahankan negara. Mengapakah kerjasama ini penting? (BUKU TEKS m.s. 12)

- A Meluaskan pengaruh
- B Memajukan taraf hidup rakyat
- C Mengawal kemasukan imigran
- D Mengekalkan kedaulatan negara

25 Pemerintah memainkan peranan penting untuk mewujudkan kestabilan politik. Apakah usaha pemerintah bagi mencapai matlamat tersebut? (BUKU TEKS m.s. 12)

- I Menghormati sesama kaum
- II Mewujudkan integrasi nasional
- III Mewujudkan pentadbiran yang cekap

IV Melaksanakan undang-undang menurut perlembagaan

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

26 Sebagai rakyat Malaysia, apakah usaha yang boleh kita lakukan untuk menjamin kemakmuran ekonomi negara? (BUKU TEKS m.s. 12)

- A Menuntut hak keadilan
- B Melibatkan diri dalam pentadbiran
- C Menyemak keberkesanan pentadbiran
- D Memberi kerjasama dalam pembangunan negara

27 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan rakyat Malaysia.

- Penggunaan bahasa kebangsaan
- Penghayatan prinsip Rukun Negara

Mengapakah amalan tersebut penting? (BUKU TEKS m.s. 13)

- A Sistem pendidikan berkembang
- B Perpaduan kaum bertambah erat
- C Kemakmuran ekonomi meningkat
- D Kestabilan negara semakin mantap

28 Pernyataan berikut berkaitan dengan konsep patriotisme.

- Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara
- Sanggup mempertahankan negara demi kemakmuran dan kestabilan negara

Apakah peranan rakyat bagi merealisasikan semangat tersebut? (BUKU TEKS m.s. 13)

- A Meningkatkan imej negara
- B Menggubal undang-undang negara
- C Mengukuhkan pasukan keselamatan
- D Menjalinkan hubungan dengan pihak luar

29 Gambar berikut menunjukkan sambutan Hari Kebangsaan negara kita.



Mengapakah sambutan tersebut diadakan secara besar-besaran pada setiap tahun? (BUKU TEKS m.s. 14)

- A Mendapat pengiktirafan
- B Menjana pendapatan negara
- C Memupuk semangat patriotisme
- D Memapar kehebatan pemimpin negara

30 Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab bersama untuk mempertahankan negara daripada musuh. Mengapakah kerjasama ini penting? (BUKU TEKS m.s. 15)

- A Menaikkan imej negara
- B Menyekat kemasukan imigran
- C Meningkatkan taraf hidup rakyat
- D Mengekalkan kedaulatan negara